

PRODUKTIVITI PEKERJA

oleh

Muhamad Aimanshah bin Adnan

Pegawai Penyelidik

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Terdapat pelbagai pendapat ataupun pandangan mengenai istilah produktiviti. Bagi seorang tenaga kerja, produktiviti bermaksud memperoleh gaji yang tinggi dengan faedah dan keadaan persekitaran yang kondusif. Dari sudut ekonomi pula, produktiviti adalah nisbah output kepada input yang digunakan dalam proses penghasilan sesuatu produk atau perkhidmatan. Ianya mengukur keupayaan untuk menghasilkan output daripada satu set input. Produktiviti bagi seseorang pekerja atau sesebuah organisasi diukur berdasarkan kecekapan dan keberkesanan dalam penghasilan output yang berguna daripada penggunaan sumber input secara optimum. Input bagi pekerja adalah seperti masa, kemudahan, persekitaran dan sebagainya. Input yang dimaksudkan dalam konteks organisasi pula adalah jumlah sumber yang digunakan bagi penghasilan sesuatu produk atau perkhidmatan iaitu seperti pekerja, jumlah jam bekerja, kos buruh dan sebagainya. Bagi keseluruhan ekonomi, output yang dimaksudkan adalah produk ataupun perkhidmatan yang dihasilkan seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan juga nilai tambah (*'Value added'*) bagi sesebuah Negara.

Berdasarkan Laporan Produktiviti 2014/2015, seorang pekerja menyumbang sebanyak RM61,708 nilai KDNK bagi Malaysia pada tahun 2014 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 3.5% jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya iaitu RM59,622 seorang. Selain itu, pada tahun 2014 juga, bagi setiap jam dalam waktu bekerja, seorang pekerja menyumbang RM28.55 nilai KDNK yang turut mencatatkan pertumbuhan yang positif jika dibandingkan dengan tahun 2013 (RM 27.59). Dalam pada itu, berdasarkan Laporan Penyiasatan Gaji dan Upah Malaysia 2014, purata dan penengah gaji dan upah bagi Malaysia dilihat bertambah jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya dari RM2,052 kepada RM2,231 bagi purata dan RM1,500 kepada

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

RM1,575 bagi penengah. Dengan peningkatan bagi nilai produktiviti dan gaji bagi Malaysia, nilai produktiviti dan gaji saling memainkan peranan dalam kadar pertumbuhan bagi kedua-dua nilai tersebut.

KDNK bagi Malaysia pada tahun 2014 mencatatkan pertumbuhan yang baik iaitu sebanyak 6.0% jika dibandingkan dengan pertumbuhan pada tahun yang sebelumnya (2013: 4.7%, 2012: 5.5%). Pertumbuhan ini dapat dicapai hasil usaha daripada kerajaan yang melancarkan program-program dan dasar-dasar yang mampu menjana pendapatan negara. Ini menunjukkan bahawa kecekapan dan keberkesanan sumber input dalam menghasilkan output dengan produktiviti yang positif menyumbangkan kepada pertumbuhan KDNK yang memberangsangkan. Oleh yang demikian, penggunaan sumber pekerja yang optimum juga perlu di ambil kira dalam mengukur produktiviti bagi sesebuah negara agar dapat menghasilkan output atau pertumbuhan KDNK yang lebih mampan.

Pada tahun 2014, kadar pengangguran bagi Malaysia juga dilihat bertambah baik dengan pengurangan dari 3.1% kepada 2.9%. Jumlah bilangan pekerja pada tahun yang sama juga dilihat bertambah dengan seramai 13.9 juta pekerja. Namun, kadar pertumbuhannya dilihat merosot iaitu sebanyak 2.4% jika di bandingkan dengan tahun 2013 yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.8%. Kemerosotan ini antara lain berpunca dari majikan yang mula mementingkan kualiti melebihi kuantiti. Ini bermakna jumlah bilangan pekerja yang sedikit lebih baik dari jumlah pekerja yang banyak sekiranya hasil output yang diperoleh adalah sama. Dengan itu, kebanyakan majikan mula untuk mengambil pekerja yang berkualiti untuk mengoptimumkan penggunaan sumber pekerja.

Jumlah pekerja turut diklasifikasikan mengikut empat kelompok tahap pendidikan iaitu 'tiada pendidikan rasmi', 'rendah', 'menengah' dan 'tertiari'. Kelompok tertiar merupakan kelompok bagi golongan pekerja yang mempunyai tahap pendidikan diploma, ijazah dan keatas. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, peratusan jumlah pekerja tertinggi disumbangkan oleh pekerja yang mempunyai tahap pendidikan menengah. Secara purata dari tahun 2011 hingga 2014, kelompok ini menyumbangkan sebanyak 55.7% daripada jumlah pekerja. Bagi kelompok tertiar pula, secara purata menyumbangkan sebanyak 25.1% dalam tempoh yang sama. Ini menunjukkan pekerja di Malaysia dibanjiri oleh golongan yang berpendidikan menengah dan keatas. Justeru itu, pendidikan adalah asas yang penting bagi menghasilkan pekerja yang berkualiti bagi menyumbang kepada penghasilan negara yang berproduktiviti tinggi.

Kadar pertumbuhan bagi bilangan pekerja yang berpendidikan tertiar dilihat semakin berkembang pada tahun 2014 iaitu sebanyak 10.3% jika dibandingkan dengan tahun yang sebelumnya (2013: 5.2%, 2012: 2.9%) manakala bagi kelompok menengah pula, pertumbuhannya dilihat merosot pada tahun 2014 yang mengakibatkan kadar pertumbuhan pekerja yang sedikit perlahan. Ianya mungkin disebabkan oleh kesedaran pekerja yang berpendidikan menengah untuk menyambung pengajian dengan tujuan mempertingkatkan kualiti bekerja dan juga tangga gaji mereka. Justeru itu, penggunaan pekerja dari kelompok berpendidikan tertiar yang dipercayai lebih berkualiti menjurus kepada penggunaan sumber pekerja yang optimum telah diterapkan oleh kebanyakan majikan.

Dengan penggunaan sumber input yang optimum, nilai hasil output dapat dihasilkan secara maksimum. Dengan itu, nilai produktiviti juga akan turut bertambah. Seperti yang dapat dilihat, kebanyakan majikan lebih tertumpu kepada golongan yang berpengalaman untuk diambil bekerja. Ini adalah salah satu faktor yang menyebabkan bilangan pengangguran bagi kelompok tertiar kian bertambah. Selain itu juga, pada peringkat pengajian tinggi, kemahiran insaniah perlu dinilai dan di ambil kira sebagai salah satu penilaian. Hasil daripada itu, pihak kerajaan telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dengan tujuan untuk meningkatkan dan memartabatkan sistem pendidikan tinggi negara. Dengan pelan ini, dipercayai boleh menghasilkan graduan yang dapat membantu dalam meningkatkan produktiviti negara agar wawasan 2020 bukan sahaja untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dapat dicapai bahkan mempunyai produktiviti pekerja yang tinggi.